

Ulama PAS seru Majlis Fatwa tidak sempitkan fatwa untuk demonstrasi
The Malaysian Insider
7 Mei , 2012
Oleh Mohd Farhan Darwis

KUALA LUMPUR, 7 Mei — Ulama PAS hari ini menyeru Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan agar tidak mengeluarkan pandangan yang sempit dan melibatkan demonstrasi semata-mata, sebaliknya mengambil kira punca demonstrasi itu sendiri iaitu kepincangan sistem pilihan raya.

Ketua Dewan Ulama PAS Pusat, Datuk Harun Taib (gambar), menegaskan, demonstrasi yang menjurus kepada perkara kebaikan dan tugas "amar makruf nahi mungkar" adalah sangat digalakkan dalam Islam.

"Demonstrasi menyatakan pandangan adalah berasaskan kepada kewajipan amar makruf nahi mungkar yang dituntut oleh Islam," katanya mengulas pandangan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan, semalam berhubung demonstrasi Bersih 3.0.

Lapan tuntutan Bersih adalah bagi menambah baik sistem pilihan raya di negara ini yang dilihat tidak telus dalam proses pilihan raya.

Jelas Adun Manir ini lagi, "ia merupakan sebahagian tugas amar makruf nahi mungkar yang mesti dilaksanakan oleh rakyat terutamanya umat Islam".

Tambahnya, keganasan ketika insiden Bersih 3.0 tidak akan wujud sekiranya tiada provokasi daripada pihak-pihak tertentu,

"Tanpa sebarang provokasi daripada pihak tertentu demonstrasi aman tidak akan mencetuskan huru-hara," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Dewan Ulama PAS Pusat, Dr Khairuddin Aman Razali, pula menegaskan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis

Kebangsaan diminta tidak menyempitkan pandangan muzakarah melibatkan demonstrasi yang berlaku sahaja.

Tetapi, tambahannya mereka perlu mengeluarkan pandangan terhadap kepincangan pengurusan kewangan negara, seperti amalan rasuah yang berleluasa, dan ketirisan dengan tujuan politik jahat.

"Dengan itu, Jawatankuasa Fatwa akan dilihat berwibawa dan tidak menjadi alat pemerintah semata-mata, malah menjadi suara amar makruf nahi mungkar mewakili rakyat," tambahannya lagi.

Jawatankuasa fatwa semalam berkata mereka memandangkan serius isu perhimpunan itu di mana adanya umat Islam menjadi perusuh jalanan, seperti dalam perhimpunan Bersih 3.0 pada 28 April lepas.

Pengerusi jawatankuasa itu, Prof Emeritus Tan Sri Dr Abdul Shukor Husin, dipetik berkata:

"Tindakan merusuh, membawa kacau bilau dan merosakkan harta benda awam adalah suatu perbuatan yang ditegah Islam. Malah niat untuk menjatuhkan negara yang sah di sisi undang-undang melalui penganjuran demonstrasi seumpama itu juga haram di sisi agama.

"Sesiapa juga tidak boleh buat, tidak (boleh) bersetuju ke arah (usaha) mendatangkan kemudharatan, keresahan, menjadikan rusuhan sesama kita hingga berpecah, apatah lagi kalau berlaku pertumpahan darah."

Abdul Shukor berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan uzakarah ke-99 jawatankuasa itu semalam.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ulama-pas-seru-majlis-fatwa-tidak-sempitkan-fatwa-untuk-demonstrasi/>